

# Perdana Menteri boleh terima kritikan

KUALA LUMPUR 28 Okt. - Para pemimpin kerajaan hari ini menegaskan bahawa Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi ialah Perdana Menteri yang sedia mendengar pandangan semua pihak sebelum membuat sesuatu keputusan dan boleh menerima kritikan.

Beberapa menteri Kabinet dan ahli Majlis Tertinggi (MT) UMNO berkata, sikap Abdullah itu berkait rapat dengan konsep musyawarah yang digunakan oleh beliau sejak menjadi Perdana Menteri.

Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Datuk Seri Azmi Khalid berkata, Abdullah merupakan seorang yang sedia menerima teguran dan boleh berbincang untuk mencapai sesuatu keputusan.

Menurutnya, Perdana Menteri memberi peluang kepada semua pihak menyuarakan pendapat masing-masing ketika bermesyuarat.

"Memang menjadi cara Perdana Menteri untuk menerima dan membalas teguran orang lain dengan cara lembut dan beliau sedia menerima pandangan orang lain walaupun ia bertentangan dengan pandangannya.

"Beliau mempunyai personaliti yang mudah rapat dengan orang lain," kata Azmi kepada *Mingguan Malaysia* di sini hari ini.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas kenyataan Perdana Menteri semalam bahawa beliau sedia menerima te-

guran terhadap kerajaan pimpinannya namun sebarang keputusan dibuat dengan mengutamakan proses musyawarah.

Abdullah membuat kenyataan itu ekoran dakwaan bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad bahawa Abdullah kini tidak boleh ditegur sesiapa pun.

Azmi berkata, beliau tidak bersetuju dengan cara Dr. Mahathir mengkritik Abdullah yang disifatkannya sebagai agak kasar.

"Walaupun mengkritik, ia biarlah dibuat secara sopan dan jangan hingga menjatuhkan air muka orang lain.

"Dr. Mahathir sendiri mungkin tidak dapat menerima teguran sebegitu jika masih memegang tampuk pemerintahan negara," tambahnya.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Mohamed Nazri Aziz berkata, Abdullah tidak pernah menghalang sesiapa pun memberi pandangan semasa mesyuarat Kabinet meskipun ia bertentangan dengan pendiriannya.

"Perdana Menteri mendengar dan mengambil pandangan semua pihak sebelum membuat sesuatu keputusan dan ia merupakan keputusan majoriti selaras dengan sistem kerajaan berkabinet.

"Kita dapat melihat buktinya apabila kenyataan banyak pihak (tentang sesuatu isu) disiarkan oleh media dan semua itu diambil kira oleh Perdana Menteri," katanya.

Ketua Menteri Melaka, Datuk Seri Mohd. Ali Rustam pula berkata, pada mesyuarat MT UMNO, misalnya, Abdullah menerima pandangan semua pihak dengan baik dan semua keputusan dibuat secara bersama.

"Perbincangan dengan Perdana Menteri akan mempertimbangkan komen semua pihak dan kemampuan kerajaan sebelum sesuatu keputusan dibuat," katanya.

Beliau berpendapat, Dr. Mahathir mungkin berfikir kerajaan kini tidak boleh ditegur kerana cadangan-cadangannya sebelum ini tidak dilaksanakan.

"Kerajaan sedia ditegur, tapi kita tidak boleh mengikut semua teguran yang dibuat oleh semua pihak," ujarnya.

Timbalan Menteri Pelajaran, Datuk Noh Omar pula berkata, pada setiap mesyuarat MT UMNO, semua ahli diberi peluang bercakap tanpa dikenakan sebarang sekatan, panduan atau had masa.

"Walaupun apa yang dikatakan kadangkala berbeza dengan pandangan Perdana Menteri, beliau tidak pernah menghalang.

"Caranya lebih demokrasi," ujar Noh yang merupakan ahli MT UMNO.

Kaedah itu, kata beliau, berbeza dengan pentadbiran pada zaman Dr. Mahathir yang hanya meminta pandangan orang ramai selepas sesuatu keputusan dibuat.

"Siapa yang nak komen selepas keputusan telah dibuat?" soal Noh.